

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai dan jumlah pelaburan asing, terutamanya daripada negara Timur Tengah yang telah dilaburkan ke dalam syarikat-syarikat 1MDB atau ke atas projek-projeknya seperti Bandar Malaysia dan Tun Razak Exchange.

JAWAPAN

Pada tahun lepas, TRX telah memilih satu syarikat hartanah dan infrastruktur antarabangsa, iaitu Lend Lease sebagai rakan kongsi utama di dalam projek pembangunan 'Lifestyle Quarter'. Perjanjian yang ditandatangani 1MDB Real Estate Sdn Bhd (1MDB RE) dan Lend Lease ini

dijangka menarik sehingga US\$1 bilion (RM3.2 bilion) dalam bentuk pelaburan langsung asing ke Malaysia.

2 Di samping itu, TRX juga telah menandatangani perjanjian konsesi selama 20 tahun dengan Veolia Water Technologies Southeast Asia untuk rawatan air sisa dan bekalan air kitar semula di TRX.